



**Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia**  
Malaysian Communications and Multimedia Commission  
Off Persiaran Multimedia  
63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan  
Malaysia  
Tel: +60 3 8688 8000 Fax: +60 3 8688 1000  
Website : [www.mcmc.gov.my](http://www.mcmc.gov.my)

# Kenyataan Media

## Press Release

**Untuk Siaran Segera**

### **KUNJUNGAN HORMAT KETUA PENGARAH KESATUAN POS SEDUNIA (UPU) KE MCMC**

**CYBERJAYA, 26 Februari 2015** --- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) hari ini menerima kunjungan hormat Ketua Pengarah Kesatuan Pos Sedunia (UPU), TYT Bishar A. Hussein yang kini dalam rangka lawatan rasmi ke beberapa buah negara di rantau Asia termasuk Malaysia. UPU yang berpangkalan di Berne, Switzerland adalah forum utama bagi kerjasama pos di peringkat global bagi perkhidmatan mel, bungkusan, ekspres, pembayaran pos dan pos elektronik serta mempunyai rangkaian lebih daripada 640,000 pejabat pos di seluruh dunia.

Beliau yang berada di Malaysia selama dua hari, mengadakan kunjungan hormat ke atas Pengerusi MCMC, Dato' Sri Dr. Halim Shafie di pejabatnya di Cyberjaya. Dalam pertemuan tersebut, Dr. Halim dan Hussein sempat bertukar-tukar pendapat mengenai cabaran dan peranan industri pos dalam abad ke-21 serta keperluan Kerajaan untuk melaksanakan agenda transformasi sektor pos. Antara agenda transformasi pos yang dimaksudkan itu termasuk menyediakan kerangka polisi dan kawal selia yang moden dan relevan dengan keperluan semasa, memberi fokus kepada usaha memperkasakan sistem pos, serta mengambil peluang pertumbuhan pesat e-dagang dan pelbagai peluang daripada ekonomi digital.

Kunjungan beliau juga bertujuan untuk meninjau kemajuan sektor pos di Malaysia selain merapatkan hubungan dua hala UPU dengan Malaysia.

Kunjungan hormat ini juga memberi kesempatan kepada MCMC untuk menyampaikan hasrat Malaysia kepada UPU untuk mempertimbangkan Malaysia sebagai Pusat Bantuan Teknikal Serantau bagi Sistem Kewangan Antarabangsa (IFS) UPU yang dijangka mampu mempercepatkan lagi pelaksanaan koridor IFS di rantau Asia Pasifik. Selain itu, MCMC turut menyampaikan hasrat agar Malaysia dipertimbangkan sebagai negara perintis bagi Projek Pemudahan Perdagangan (Trade Facilitation Project) di bawah seliaan UPU.



**PENGERUSI MCMC, Dato' Sri Dr. Halim Shafie menerima kunjungan hormat daripada Ketua Pengarah Kesatuan Pos Sedunia (UPU), Bishar A. Hussein (kanan) di pejabatnya di Cyberjaya.**

**TAMAT**

#### **Mengenai Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC)**

MCMC adalah sebuah badan berkanun ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998 yang melaksana dan mempromosikan matlamat dasar kebangsaan Malaysia bagi sektor komunikasi dan multimedia. MCMC mengawalselia dan menggalakkan pembangunan industri komunikasi dan multimedia yang merangkumi bidang telekomunikasi, penyiaran, dan juga aktiviti dalam talian, perkhidmatan pos dan pensijilan digital. Akta Komunikasi dan Multimedia mengadakan peruntukan kepada MCMC peranan melaksanakan dasar, manakala dasar membuat keputusan adalah diperuntukkan kepada Menteri. Menteri boleh juga mengeluarkan arahan mengenai dasar kepada Suruhanjaya.

Untuk maklumat lanjut, layari [www.mcmc.gov.my](http://www.mcmc.gov.my) dan untuk penjelasan lanjut, sila hubungi: Tel: +603 8688 8000 Faks: +603 8688 1007 E-mel: [ccd@cmc.gov.my](mailto:ccd@cmc.gov.my)